



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN 1 WILAYAH PERSEKUTUAN
MEDAN IDAMAN, TAMAN DANAU KOTA
SETAPAK, KUALA LUMPUR**

13 JANUARI 2018 (SABTU)

Bismillah hirrahman Nirahim.

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)

Rakan-rakan media,

YBhg. Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1 Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini untuk merasmikan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan Medan Idaman, Taman Danau Kota, Setapak.

2. Perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan ini merupakan salah satu projek di bawah program *Corporate Social Responsibility* (CSR) kelolaan syarikat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Di bawah program CSR ini, pihak MRCB akan membina tiga buah perpustakaan untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Untuk makluman semua, perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan Lembah Pantai merupakan perpustakaan pertama yang telah siap dibina dan telah diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 2015.
4. Perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan Medan Idaman ini merupakan perpustakaan yang kedua siap untuk kegunaan orang ramai bermula hari ini. Manakala Perpustakaan 1 Wilayah Persekutuan yang ketiga pula adalah di **Kampung Pandan** yang bakal menyusul tidak lama lagi.
5. Justeru saya ingin mengucapkan terima kasih serta syabas dan tahniah kepada MRCB serta KWP dan DBKL kerana telah bertungkus lumus membantu memudahcara pembinaan perpustakaan ini sehingga siap dan akhirnya kemudahan ini dapat dinikmati oleh semua penduduk setempat kursusnya warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Penyediaan perpustakaan ini merupakan tanda keprihatinan pihak Kerajaan kepada penduduk setempat. Lokasinya juga sangat strategik kerana ianya dibina berdekatan dengan kemudahan komuniti yang lain seperti surau, sekolah, penempatan dan Pusat Komuniti Taman Ibukota.
7. Perpustakaan yang berkeluasan 13,000 kaki persegi ini dibina dengan kos sebanyak RM5 juta dilengkapi dengan 13,231 buah naskah buku yang terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Selain itu terdapat juga bahan bacaan lain seperti suratkhabar, 35 buah judul majalah bagi dewasa dan kanak-kanak serta bahan bacaan elektronik seperti e-books dengan 2,300 tajuk.
8. Terdapat juga kemudahan lain di perpustakaan ini yang menawarkan perkhidmatan kepada komuniti setempat seperti:
 - i. Pinjaman bahan bacaan untuk golongan kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas;
 - ii. Ruang bacaan;
 - iii. Ruang kanak-kanak;
 - iv. Perkhidmatan internet dan WiFi;
 - v. Bilik komputer;
 - vi. Bilik serbaguna;
 - vii. Surau;
 - viii. Tandas;
 - ix. Kawasan untuk aktiviti; dan
 - x. Peminjaman dan pemulangan bahan bacaan secara layan diri.

9. Selain daripada perkhidmatan yang disediakan, perpustakaan ini juga akan bekerjasama dengan persatuan penduduk, guru sekolah serta aktiviti perseorangan di dalam menjalankan pelbagai aktiviti secara bersama. Antara aktiviti yang akan diadakan setiap minggu bersama penduduk sekitar ini adalah seperti pertandingan mewarna, melukis, bercerita, *info hunt* dan pelbagai lagi.
10. Pihak Pengurusan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan juga memperkenalkan satu program baru iaitu '*Friends of KL Libraries*'. Program ini merupakan satu kerjasama di antara pihak perpustakaan bersama dengan orang awam yang berminat menyumbang tenaga dan buah fikiran untuk sama-sama menghasilkan pelbagai aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan yang berintelektual.
11. Akhir kata, saya berharap dengan pembinaan perpustakaan ini, ia dapat menjadi contoh kepada syarikat-syarikat swasta lain mengenai inisiatif CSR yang dapat menyediakan kemudahan-kemudahan kepada rakyat dan seterusnya merangsang kepada kehidupan warga kota.
12. Selain itu, saya juga turut menyeru kepada penduduk setempat agar perpustakaan ini dijaga dan digunakan dengan baik agar ianya boleh dinikmati oleh semua golongan.
13. Saya juga berharap agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa menyokong segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak

Kerajaan dalam membantu warga Wilayah Persekutuan khususnya untuk menyediakan kemudahan seperti ini lagi di masa akan datang.

14. Dengan lafaz **BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**, saya dengan sukacitanya merasmikan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan Medan Idaman, Taman Danau Kota, Setapak pada hari ini.
15. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.